v) Anda boleh menaipkan sebarang perkataan yang hendak dicari. Gabungan perkataan boleh dibuat dengan menggunakan sistem Boolean seperti **and, or, and not,** dan * untuk singkatan perkataan".

**Contoh:**

Anda boleh taipkan seperti berikut:-

- **alam**
- **alam sekitar**
- **alam and sekitar**
- **alam sekitar or environment**
- **alam sekitar and kuala**
- **alam sekitar and not kuala**
- **environ***

Sila lihat Rajah 5 dan 6 di bawah.




Rajah 5




Rajah 6

**PERTANYAAN**

Bahagian Rujukan dan Maklumat
Perpustakaan, Universiti Sains Malaysia
11800 USM, Pulau Pinang
Telefon: 04-6533888 sambungan 3723
Faks: 04-6571526
e-mail: rujukan@notes.usm.my
Hompej: http://www.lib.usm.my

MS ISO 9002 REG. NO. AR 2449

Risalah no. 13
Bahagian Rujukan dan Maklumat
HAH/Ogos 2003

# PANGKALAN DATA DALAMAN

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

PERPUSTAKAAN UTAMA
KAMPUS INDUK
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
11800 USM
PULAU PINANG

# PANGKALAN DATA DALAMAN

Perpustakaan USM mempunyai pangkalan data dalaman seperti berikut:-

1. **Bibliografi Malaysia (MBIB)**
   -- Koleksi Khas yang mengandungi segala penerbitan yang berkaitan dengan maklumat sosio-ekonomi Malaysia.
2. **Penerbitan Kakitangan USM (PKTA)**
   -- Mengandungi penerbitan Kakitangan Universiti yang meliputi buku, artikal yang diterbit dalam majalah, kertas-kerja yang dibentang pada Persidangan, Seminar dan lain-lain.
3. **Tesis USM (DISS)**
   -- Koleksi yang mengandungi semua tesis, disertasi yang dihasilkan oleh pelajar-pelajar Universiti Sains Malaysia di peringkat Ijazah Sarjana dan Ijazah Kedoktoran yang diserahkan kepada Perpustakaan oleh Institut Pengajian Siswazah Lanjutan, dan Pusat-Pusat Pengajian.
4. **Bibliografi Pendudukan Jepun (JBIB)**
   -- Koleksi Khas yang mengandungi penerbitan yang berkaitan dengan Pendudukan Jepun di Malaya dari tahun 1941-1945.
5. **Risalah (RISA)**
   -- Mempunyai maklumat risalah-risalah yang telah diserahkan kepada Perpustakaan sebagai hadiah, meliputi berbagai jenis penerbitan.
6. **Maklumat Malaysia (RISMA)**
   -- Adalah Koleksi Khas Risalah mengandungi maklumat-maklumat mengenai Malaysia.
7. **Cerpen & Puisi (SAS)**
   -- Indeks cerpen dan puisi yang disiarkan dalam Berita Minggu dan Mingguan Malaysia yang dihasilkan oleh penulis di Malaysia

**CARA MENGAKSES**

Pangkalan data ini boleh diakses melalui Internet secara berikut:-

i) Taipkan **http://www.lib.usm.my** untuk memasuki laman web Perpustakaan (Rajah 1).




Rajah 1

ii) Klik pada **"Inhouse Resources"**. Skrol ke bawah akan dapat seperti Rajah 2.




Rajah 2

iii) Sila klik (sebagai contoh) pangkalan data **"Bibliografi Malaysia (MBIB)"**. Akan muncul skrin seperti Rajah 3.




Rajah 3

iv) Klik pada **Search** untuk membuat pencarian. Akan muncul seperti Rajah 4




Rajah 4